

**CABARAN KESINAMBUNGAN WARISAN SENI BINA RUMAH
TRADISIONAL MELAYU DI SEMENANJUNG MALAYSIA:
SOLUSI KE ARAH MEMARTABATKAN SENI BUDAYA WARISAN
KETAMADUNAN MELAYU**

***The Challenges of Preserving The Heritage of Traditional
Malay Home Architecture in Peninsula Malaysia: Solution
towards Upgrading Cultural Heritage of Malay Civilization***

Mashitah Sulaiman ^{(a)1}*, Mohd Nazir Ahmad ^{(b)2}

*Corresponding author

^{a 1} * Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan,
Malaysia. mashitah@usim.edu.my.

^{b 2} Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan
Selangor, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Malaysia,
mnazir794@uitm.edu.my

Abstrak

Warisan seni bina rumah tradisional Melayu melambangkan ketinggian kearifan tempatan di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, warisan budaya seni bina Melayu ini kian terpinggir dalam arus kemodenan dan kepesatan pembangunan. Kajian ini menganalisis cabaran kesinambungan dalam mengekalkan warisan pembinaan rumah tradisional Melayu di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut meneliti implikasi perubahan pemikiran dan arus modenisasi terhadap kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia. Pendekatan penyelidikan secara kualitatif digunakan dalam pengumpulan data melalui kajian perpustakaan dan temuramah bersama pakar seni bina rumah tradisional Melayu Malaysia. Data dianalisis secara analitikal melalui analisis deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa pelbagai isu yang menjadi cabaran dalam memartabatkan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia, sama ada dari segi komitmen individu, sikap

masyarakat, organisasi, mahupun perspektif pemikiran generasi muda dan moden kini. Implikasi kepada peminggiran khazanah warisan negara ini merupakan bencana kepada nasib masa depan kegemilangan tamadun bangsa. Kajian ini mencadangkan strategi yang praktikal bagi memelihara warisan dalam seni bina rumah tradisional tempatan untuk perhatian banyak pihak. Dapatan kajian menyumbang kepada ilmu pengetahuan tentang kepentingan pemeliharaan warisan tradisi kebanggaan negara yang sebahagian besarnya telah mendapat pengiktirafan dunia.

Kata kunci: Cabaran, warisan, seni bina, rumah tradisional, masyarakat Melayu

Abstract

Architectural heritage of traditional Malay houses signifies the elevation of local wisdom in the Malay world. However, the cultural heritage of Malay architecture is progressively marginalized from the mainstream of modernity. This study analyzes the challenges in preserving the continuity of traditional Malay heritage in home construction in Malaysia. In addition, this research also studies the implications of secularism and a continuation of current modernization on the architectural heritage of traditional Malay houses in Peninsular Malaysia. Qualitative research approach was used in collecting data through library research and interviews with experts in architecture of traditional Malay house. Data were analyzed critically through descriptive and thematic analysis. The study discovered that various issues have been challenged in upholding the architectural heritage of Malay traditional house, in terms of individual commitment, societal attitude, organizations or from the perspective of younger and modern generation nowadays. The implications of the marginalization of the country's heritage are catastrophic to the future fate of the nation's glorious civilization. This study also proposes practical strategies for preserving local heritage of traditional house architecture for kindness attention of many parties. The findings of the study contribute to the body of knowledge in relation to the preservation of national heritage as nation's pride, most of which have already being recognized by the world organization.

Keywords: The challenges, heritage, architecture, traditional houses, the Malays

PENGENALAN

Seni bina Melayu merupakan cabang daripada bidang seni yang memerlukan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa di samping daya pengamatan yang tajam dan terperinci (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiulfuad Yahya, 2005: 7). Daripada kearifan seni bina tempatan, lahir pula seni bina rumah tradisional Melayu sebagai legasi seni pertukangan tradisional Melayu yang sangat unik. Kehalusan seni pertukangan, teknik pembinaan dan pemilihan bahan binaan setempat menghasilkan interaksi bangunan dan alam sekitar dengan baik, memenuhi keperluan fungsi yang seringkali dihubungkan dengan amalan kebudayaan, agama dan kepercayaan dan adat resam. Reka bentuk yang menggabungkan pertimbangan sedemikian telah menghasilkan ciri binaan yang bukan sahaja sesuai dengan keadaan dan iklim setempat, tetapi juga tahap seni bina yang tinggi nilainya (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiudfuad Yahaya, 2005: 19).

Sebagai warisan seni budaya dan ketamadunan bangsa, seni bina rumah tradisional Melayu seharusnya dipelihara agar warisan turun-temurun khazanah yang amat bernilai ini dapat terus dipelihara. Warisan seni bina rumah tradisional ini mempunyai keunikan yang tersendiri di sebalik citra budaya yang tinggi nilainya estetikanya, keindahan reka bentuk dan seni ukir sebagai lambang ketinggian pencapaian budaya tinggi dalam Tamadun Melayu. Namun di sebalik warisan budaya seni bina rumah yang menjadi kemegahan masyarakat Melayu di rantau ini, pada hari ini kita dipamerkan dengan pelbagai reka bentuk seni bina moden yang tidak menggambarkan identiti nasional dan warisan bangsa yang boleh dibanggakan. Warisan budaya Melayu dalam pembinaan rumah Melayu tradisional kurang difahami dan semakin terhakis dalam kalangan generasi muda dan masyarakat Melayu kini (Fairuzah, Farahdina, Mujaini, 2019; Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007).

Perkembangan semasa industri perumahan di seluruh Malaysia, boleh dikatakan tidak mampu menandingi 'sains seni bina tradisional' dengan konsep rumah tradisional Melayu.

Justeru itu kajian ini dikemukakan untuk menganalisis cabaran kesinambungan dalam mengekalkan warisan pembinaan rumah tradisional Melayu di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut meneliti implikasi perubahan pemikiran dan arus modenisasi terhadap kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

PERMASALAHAN KAJIAN

Masyarakat Melayu kaya dengan warisan seni bina rumah tradisional Melayu budaya yang tinggi nilai reka bentuk, estetika dan kesenian seni ukir yang melambang ketinggian pencapaian Tamadun Melayu. Namun di sebalik warisan budaya seni bina rumah yang menjadi kemegahan masyarakat Melayu di rantau ini, pada hari ini kita dipamerkan dengan pelbagai reka bentuk seni bina moden yang tidak menggambarkan identiti nasional dan warisan bangsa yang boleh dibanggakan. Malahan selepas mencapai kemerdekaan, wajah seni bina tempatan yang sepatutnya lebih berkembang maju, tetapi malangnya sehingga kini ia masih di takuk lama dan terus meniru idea pereka luar negara (Hijas Kasturi dalam *Berita Harian*, September 23, 2015).

Dalam konteks perkembangan semasa kemajuan dan pembangunan sebagai sebuah negara moden, khususnya di Malaysia, terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi dalam usaha mengekalkan warisan budaya seni bina rumah tradisional Melayu yang mula terhakis akibat arus pemodenan, urbanisasi dan pemikiran moden dalam masyarakat Melayu kontemporari (Mohamad Sohaimi Man, 2017). Oleh yang demikian, kajian ini turut menganalisis cabaran pembangunan, pemodenan dan urbanisasi terhadap warisan kesinambungan budaya seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia. Kajian ini juga menyarankan beberapa strategi bagi memelihara warisan seni bina rumah tradisional Melayu Malaysia selain mengekalkan nilai tradisi ini dalam bentuk pelan tindakan yang praktikal dalam konteks semasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut, iaitu: menganalisis cabaran kesinambungan pembinaan rumah tradisional Melayu Malaysia. Kedua, kajian ini turut meneliti

implikasi perubahan pemikiran dan arus modenisasi terhadap kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Creswell (2003) menggambarkan metodologi sebagai kumpulan kaedah yang koheren yang menyelaraskan satu sama lain dan yang mempunyai keupayaan untuk menyampaikan data dan penemuan yang akan mencerminkan persoalan kajian dan bersesuaian dengan tujuan penyelidikan.

Kajian ini pada asasnya menggunakan kaedah kualitatif, dengan mengaplikasi pendekatan kajian meneroka atau *exploratory*, melalui kaedah analisis kandungan sumber data sekunder dan temuramah. Ini kerana kajian kualitatif lebih holistik dan seringkali melibatkan pengumpulan data yang kaya (*a rich collection of data*) daripada pelbagai sumber untuk dapat memahami informan secara individu, termasuklah pandangan, perspektif dan sikap manusia (Hossein Nassaji. 2015: 129).

Data kualitatif dikumpulkan melalui kaedah penerokaan menggunakan kaedah temubual bersama pakar dalam bidang seni bina rumah tradisional Melayu dan warisan budaya Melayu, Malaysia dilakukan bagi mengupas isu dan persoalan penting berkaitan seni bina rumah Melayu serta melihat perspektif pandangan mereka berhubung tajuk yang dibincangkan. Temuramah bersama dua orang pakar seni bina rumah tradisional Melayu. Beberapa soalan temuramah secara berstruktur disediakan dalam sesi temuramah tersebut. Medium komunikasi yang digunakan bagi sesi temu ramah ini adalah melalui aplikasi Microsoft Team, dan melakukan perbincangan secara live bersama mereka. Selain itu, iaitu kajian perpustakaan dilakukan dengan merujuk kepada sumber sekunder seperti buku, makalah akademik dan surat khabar yang meneliti cabaran dan implikasi pengabaian terhadap warisan seni bina rumah Melayu tradisional.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini mengemukakan dua objektif kajian iaitu: 1) menganalisis cabaran kesinambungan pembinaan rumah tradisional Melayu Malaysia; dan 2) mengkaji implikasi perubahan

pemikiran dan arus modenisasi terhadap kesinambungan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.

Cabaran Kesinambungan Rumah Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia

Beberapa pengkaji seni bina rumah tradisional Melayu menyatakan kekusaran terhadap warisan seni bina rumah tradisional Melayu yang semakin dilupai dan terhakis daripada kepentingan arus pemodenan. Terdapat beberapa isu yang menjadi cabaran kepada penerusan warisan seni bina rumah tradisional tempatan yang dinyatakan oleh ramai pihak.

Mohamad Sohaimi Man. (2017), melihat betapa pentingnya untuk diwujudkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan Rumah Tradisional Melayu. Ianya penting untuk pengetahuan generasi kini sebagai bukti kecintaan warisan tradisi sejak dulu. Kepentingan menjaga hakmilik individu atau kelompok secara warisan perlu diberi perhatian sewajarnya. Menurut beliau, hal ini penting untuk menimbulkan rasa cinta dan teruja mereka terhadap khazanah warisan banga Melayu itu sendiri, selain mewujudkan kesedaran memulihara dan menyelenggara warisan untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Kajian yang dijalankan pada tahun 2017 ini bertujuan mengenalpasti punca berlakunya kerosakan fizikal kepada rumah tradisional Melayu, antaranya disebabkan oleh pengabaian atau keterpinggiran, tiada pewaris, tiada penyelenggaraan berterusan, atau sebagainya.

Antara cabaran dalam mengekalkan warisan seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia, antaranya, seperti berikut:

a) Cabaran Penerusan Warisan Kearifan Tempatan dalam Pembinaan Rumah Tradisional

Noor Faizah et al., (2014) menjelaskan bahawa rumah-rumah yang bercirikan tradisional semakin berkurangan, ciri-ciri yang terkandung padanya juga hampir tidak lagi dikenali oleh masyarakat Melayu sendiri. Asas ilmu dalam pemilihan dan penentuan tapak rumah kediaman itu tidak lagi dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Melayu. Apatah lagi adat kehidupan secara kolektif, iaitu *bermusyawarah*, upacara dan gotong-royong

dalam pelaksanaan mendirikan rumah telah diabaikan oleh generasi kini (Noor Faizah et al., 2014: 106).

Menurut Hijjas (2015) bahawa dalam sejarah seni bina di Malaysia, yang bermula sejak era 1920-an, dengan kebanyakannya berusaha mengembangkan pembinaan rumah berbentuk tradisional. Setiap kaum iaitu Melayu, Cina dan India, menghasilkan rekaan berbeza-beza mengikut kepercayaan, budaya serta cara hidup mereka. Orang Melayu dulu bina rumah dengan mempertimbangkan pelbagai hal, termasuk berpandukan adat, umpamanya rumah didirikan dengan tiang yang tinggi supaya dapat mengelakkan ancaman binatang buas dan bencana banjir. Manakala rumah tradisional Cina, antaranya yang masih terdapat di Pulau Pinang, iaitu rumah kongsi suku Khoo pula sifatnya melindungi, umpamanya mempunyai dua pintu yang boleh digunakan secara berasingan oleh tuan rumah dan tetamu, manakala pintu yang lain untuk orang bawahannya. Sebaliknya, orang India pula kebanyakan rumah mereka sarat dengan elemen ketuhanan dan menyerupai rekaan kuil serta gemar menggabungkan pelbagai warna, sekali gus jauh berbeza dengan rekaan Barat (*Berita Harian*, 23 September 2021).

Othman (2013) mengklasifikasikan struktur seni bina sebagai komponen penting dalam rumah Melayu tradisional. Antara struktur tersebut adalah seperti tangga, tiang, dinding, rasuk, pintu, bumbung, dan lain-lain. Struktur ini mempunyai fungsinya dan mengandungi falsafah di sebalik pembinaannya.

Setiap rumah tradisional mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Rumah tradisional Melayu misalnya, mengambil kira faktor budaya, iklim setempat, teduhan, pengudaraan, pencahayaan, dan ciri-ciri asas yang lain. Bentuk rumahnya pula berbeza dan pelbagai mengikut setiap negeri, wilayah dan juga sub-etnik. Contohnya, rumah Melaka tak sama dengan rumah Negeri Sembilan walaupun kedua-dua negeri ini berjiran (Nur Sahihah, 2021). Antara ciri-ciri unik tersebut ialah (Nur Sabihah, 25 Mar 2021):

a) Bumbung

Bumbung rumah tradisional Melayu terdiri dari bumbung tetap. Ia kemudiannya berubah kepada bentuk limas (bumbung limas) atau turut dikenali sebagai Bumbung Belanda selepas kedatangan penjajah. Bentuknya pula

sentiasa condong kerana sesuai dengan iklim tropika yang panas. Kehalusan seni masyarakat Melayu turut diterapkan dalam konsep reka bentuk rumah kayu.

b) Serambi atau Anjung Rumah

Serambi atau anjung rumah kampung merupakan tempat kaum lelaki berehat, berbual dan berbincang. Wanita pula selalunya akan bersosial di dalam rumah. Ini kerana, masyarakat Melayu sangat mementingkan tatatertib dan adat tatasusila.

c) Tingkap

Rumah tradisional Melayu mempunyai banyak tingkap untuk tujuan pengudaraan dan pencahayaan yang baik, French Window misalnya direka khas untuk ciri-ciri tersebut. Bagi kebanyakan rumah tradisional, jenis tingkap rumahnya pula adalah rendah hingga ke lantai atau separas pinggang penghuni. Ini bertujuan mewujudkan keselesaan sekiranya seseorang duduk bersila atas lantai. Tingkap juga turut diserikan dengan ukiran kayu tradisional bermotifkan awan larat yang sememangnya cantik dan halus. Kayu kekisi di bahagian bawah tingkap juga berfungsi untuk peredaran udara dan sebagai palang keselamatan bagi anak-anak kecil (Nur Sabihah, 2021). Hassan dan Ramli (2010) merumuskan bahawa faktor keluasan bukaan dengan jumlah tingkap yang banyak beserta ukiran tembus (*ornamentation*) di atas tingkap di setiap muka fasad mampu meningkatkan peredaran udara yang merentas rumah tersebut (*cross ventilation*). Situasi ini mampu mengaktifkan proses peredaran udara sejuk bagi menyalur keluar udara panas di dalam rumah (Mohd Firrdhaus, 2016).

d) Tiang dan Lantai Tinggi

Keunikan yang dapat dilihat dari rekaan bentuk rumah ini adalah rumah ini dibina dengan tiang rumah yang tinggi, dengan jarak beberapa meter dari tanah. Rekaan ini dibina bukan sahaja memberi nilai seni tetapi dengan tujuan utama untuk mengelakkan rumah mudah ditenggelami banjir, binatang buas dan mengurangkan ancaman serangga berbisa di tanah seperti lipan, kala

jengking dan sebagainya (*Berita Harian*, 23 September 2021).

Selain itu, rumah Tradisional Melayu mempunyai tiga (3) komponen utama iaitu 'lantai tinggi' (*raised floor*), 'dinding dan bukaan' (*walls and openings*) serta 'bumbung cerun bertingkat' (*doubled slope roof*). Keunikan rumah tradisional adalah ianya menggunakan lantai tinggi bertiang. Inilah ciri utama binaan tradisional yang memberi manfaat kepada penghuni bagi mengekalkan keselesaan terma dalaman dan keselamatan daripada bahaya binatang buas dan berbisa (Mohd Firrdhaus, 2016).

Satu kajian yang dilakukan oleh Hanafi (1994) menyatakan bahawa keadaan tanah yang lembab dan basah di rantau ini memerlukan pencahayaan yang mencukupi bagi mengeringkannya. Selain daripada itu, musim tengkujuh tidak hanya membasahkan tanah, malah banjir kadang kala berlaku. Oleh itu, kaedah lantai tinggi adalah sangat sesuai untuk iklim di rantau ini.

e) Tangga

Salah satu keistimewaan rumah Melaka yang membezakannya dengan rumah tradisional di negeri yang lain adalah struktur tangga utama yang diperbuat dari batuan konkrit. Struktur tangga yang unik ini akan dihiasi dengan jubin yang berwarna-warni menjadikan rumah tradisional ini kelihatan cantik dan menarik. Struktur binaan tangga batu ini dikatakan dipengaruhi oleh seni bina negara China dengan hiasan jubin ini diimport dari negara luar seperti Belanda dan Jepun.

f) Ruang Masuk dan Pintu


Sama seperti tingkap, pintu rumah kayu ini juga diukir dengan motif flora dan alam semula jadi. Pintu masuk untuk lelaki dan perempuan juga lain. Kaum wanita selalunya masuk melalui pintuk tengah atau pintu dapur, manakala kaum lelaki akan masuk melalui pintu depan.

g) Keutamaan Faktor Kelestarian Alam

Seni bina rumah Melayu mengutamakan faktor pengudaraan, iklim dan bersifat mesra alam. Hasil kajian Ahmad Sanusi dan Ku Azhar (2001), corak penempatan

kampung tradisi di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga corak penempatan iaitu kampung darat, kampung air dan kampung gabungan. Corak penempatan kampung darat dan kampung air terbentuk berasaskan ciri topografi muara dan tebing sungai. Kampung yang mulanya berjajar di tebing sungai kemudian berarah ke daratan dipanggil kampung darat manakala kampung yang bermula juga di tebing sungai, kemudian membina rumah bertiang tinggi menghala ke air dikenali sebagai kampung air. Corak kampung gabungan pula adalah gabungan dua morfologi bentuk kampung darat dan air yang mana kadangkala sukar ditentukan coraknya kerana kediaman terdapat di atas air dan berkelompok meluas ke arah darat (Siti Norlizaiha dan Azira, 2011).

Seni bina warisan boleh memainkan peranan yang penting atau setidak-tidaknya memberi sumbangan dalam usaha membina cara hidup yang sejahtera. Membina rumah di iklim tropika seperti di negara kita ini hanya boleh dilakukan dengan baik jika kita memahami dan memerhati suasana keadaan sekitar yang dipengaruhi faktor alam seperti: i. Menggalakkan pengaliran dan pengalihan udara. ii. Penggunaan pencahayaan semula jadi. iii. Penggunaan curahan air hujan. iv. Mengurangkan penerimaan pancaran matahari dan tempas hujan. v. Rekabentuk rumah yang jimat tenaga. vi. Penggunaan bahan bangunan yang mesra alam. Hal yang demikian diambilkira dalam pembinaan rumah tradisional (Mastor, 2012: 8).



Gambar 1: Seni Bina Rumah tradisional menitikberatkan persoalan ekosistem yang lestari.

Rumah Melayu tradisional mempunyai elemen reka bentuk terhadap cahaya matahari yang pasif, satu rekabentuk domestik yang unggul terhadap iklim panas lembap yang mempunyai peneduh yang cukup, bukaan yang banyak untuk aliran udara keluar masuk, susun atur dalaman terbuka, bertiang, ketinggian siling tinggi dan penggunaan bahan binaan ringan yang tidak memendapkan haba. Dari pengaruh inilah kesemua rumah warisan memilih gaya bentuk rumah berpanggung atau bertiang, berkolong, di mana lantainya tinggi dari permukaan tanah dan itu adalah satu cara mengurangi kelembapan dari tanah serta memberi laluan peredaran udara keluar masuk (Abdul Halim Nasir, 1985).

Binaan beranda terbuka dan cucur atap yang memanjang adalah cara kawalan yang baik terhadap pancaran cahaya dan silau matahari. Rekabentuk yang terdapat pada rumah tradisional ini boleh diadaptasikan pada rekabentuk dan binaan rumah moden sekarang. Sistem tanggam kayu digunakan lebih mesra alam bagi menggantikan paku yang sifatnya merosakkan.

Rumah Melayu di peringkat awal sebelum datangnya pengaruh luar dan teknologi pembuatan yang baik adalah berbentuk ringkas. Pembinaannya berasaskan bahan alam dari kawasan sekitar seperti daun rumbia, nipah, anak-anak kayu, batang nibung, batang pinang dan

buluh. Sistem teknologi pembuatan struktur bangunan rumah serta teknik ikat secara sendi dibuat dengan mengikat bahan rotan atau akar pada tarahan tanggam untuk mengetatkan dan menstabilkan tiang, dinding dan bumbung rumah (Adibah, Khairul Aidil Azlin dan Yakup, 2015: 1). Selaras dengan perubahan dan perkembangan teknologi, kaedah membina rumah juga berubah. Di peringkat awal, sistem mendirikan rumah hanya dengan cara diikat dan tarahan tanggam. Sistem tebuk kemudiannya diperkenalkan. Begitu juga penggunaan paku kayu yang dikenali juga dengan pemeting untuk menguatkan persediaan rangka rumah. Tiang rumah berbentuk bulat dan rotan atau akar digunakan untuk menguatkan persendian. Tarahan tanggam dibuat untuk mengejapkan persendian seterusnya tiang bersegi dan ditebuk untuk laluan kayu rasuk dan alang serta dibaji.

Di sebalik ciri-ciri unik rumah tradisional Melayu, namun kini ciri-ciri reka bentuk tradisional, tidak dititik beratkan. Reka bentuk dan ukuran rumah moden yang dibina kebanyakannya lebih mengikut arus kemodenan masa kini. Bahan-bahan binaan yang terdapat di pasaran hampir kesemuanya mempamerkan ciri-ciri moden, iaitu ringkas dan minimal. Ciri-ciri tradisi pula kini bergantung hanya kepada permintaan sahaja, termasuklah bahan hiasan dan sebagainya. Namun begitu, di kawasan kampung, rumah-rumah tradisional masih banyak kelihatan, malah masih terdapat pemiliknya atau orang tua-tua yang tinggal di situ walaupun sudah tidak ramai yang mengetahui makna di sebalik ciri-ciri yang terdapat pada rumah yang didiami. Walaupun masih ada tukang rumah yang masih dapat membuat rumah yang berpola tradisional, namun begitu, mereka kurang mengetahui tentang maksud yang terkandung pada ciri-ciri tersebut (Noor Faizah et al., 2014: 106).

b) Kefahaman Tentang Peranan dan Fungsi Ruang Rumah Tradisional Melayu

Seni bina Melayu tradisi, khususnya seni bina rumah kediaman Melayu merupakan sebuah contoh seni bina yang mencakupi pelbagai aspek bagi menangani keperluan kehidupan masyarakat

pada zaman dahulu. Antara perkara yang paling kritikal dalam usaha mengekalkan seni bina rumah tradisional Melayu ialah kefahaman tentang peranan dan fungsi ruang seni bina yang sama sekali berbeza dengan struktur rumah moden. Penafsiran semula terhadap kehebatan seni bina rumah Melayu tradisi perlu dilaksanakan bagi membina kefahaman yang holistik kepada masyarakat supaya mengambil pengajaran serta menyumbangkan idea kepada pereka pada masa kini untuk menghasilkan produk yang setanding dengan kehebatan rekaan masyarakat Melayu terdahulu dalam menghasilkan sebuah seni bina yang unik, hebat dan mampu bertahan sehingga ke hari ini. Pemahaman terhadap seni bina Melayu di Malaysia perlu bermula dengan pemahaman masyarakat terhadap elemen yang terkandung di dalam seni bina tersebut (Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi Kosman, 2017; 2020; Afizi & Lukman, 2007).

Penafsiran semula elemen-elemen yang terkandung dalam seni bina Melayu merupakan salah satu pendekatan yang telah diperkenalkan ke arah pengecaman dan pengenalan kepada identiti seni bina Negara (Afizi. K, 2009; M. Surat et. Al, 2009). Salah satu elemen yang terpenting dalam pembentukan sebuah seni bina adalah konsep ruang. Tidak memahami konsep ruang, bermaksud seni bina tidak dapat berfungsi dengan baik. Ruang-ruang rumah tradisional Melayu terbentuk bagi menampung aktiviti manusia dengan mengambil kira perkaitan dengan faktor persekitaran, adat, budaya, agama, sosial dan ekonomi penghuni (Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh 1997). Pada masa kini, rekabentuk rumah kediaman orang Melayu telah dipengaruhi oleh rekabentuk moden yang telah mengabaikan banyak faktor kesejahteraan di dalam rekabentuk ruang sehingga mengundang kesukaran dan ketidakselesaan kepada penghuni rumah kediaman (Ismail et Al, 2013; M.S. Surat et. Al, 2012). Oleh itu, penafsiran semula terhadap konsep ruang rumah Melayu perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat akan kepentingan kewujudan ruang yang berfungsi untuk diambil pengajaran dan dilihat kesesuaiannya untuk diterapkan ke dalam rekabentuk rumah kediaman yang mencerminkan budaya dan identiti negara. Sebagai contoh, kefahaman tentang peranan dan fungsi ruang serambi, rumah ibu, loteng, rumah dapur dan

pelantar mempunyai fungsinya tersendiri berdasarkan faktor sosial, agama dan adat resam.

c) Identiti Melayu Sukar Diterapkan dalam Seni Bina Malaysia

Nilai budaya Melayu umumnya berpunca dari aspek yang dominan, iaitu agama Islam, adat dan tradisi Melayu. Namun begitu, Adat dan tradisi Melayu kini kian beransur-ansur dilupakan menyebabkan nilai-nilai asli semakin hilang. Dalam seni rumah tradisional, perbezaan serta perubahan sangat jelas kelihatan. Landskap seni bina tanah air yang dilihat masih gagal menonjolkan identiti tempatan meskipun ia disifatkan sangat unik kerana memiliki kepelbagaian bangsa dan budaya (Latifah, *Berita Harian*, 23 September 2021).

Rumah-rumah yang bercirikan tradisional semakin berkurangan, ciri-ciri yang terkandung padanya juga hampir tidak lagi dikenali oleh masyarakat (Noor Faizah, Jamaluddin, Kadir Arifin dan Aziz Ujang, 2014: 106). Ciri-ciri yang berkaitan dengan rumah tradisional Melayu bukan sahaja terdapat pada bahagian-bahagian dan corak-corak ukiran rumah itu, tetapi juga dalam bentuk berbagai upacara, bahan dan nama-namanya, serta kedudukan rumah itu. Dengan peredaran zaman, ciri-ciri tersebut di atas tidak mudah untuk dikekalkan sehingga ke hari ini. Pelbagai pengaruh budaya juga harus dipertimbangkan. Terlalu banyak nilai-nilai tradisional yang dimiliki oleh suatu masyarakat telah diabaikan dan hilang disebabkan perbezaan dan perubahan nilai budaya yang terjadi akibat arus masa yang sangat cepat peredarannya (Noor Faizah, Jamaluddin, Kadir Arifin dan Aziz Ujang, 2014: 106).

Pengaruh kolonial turut menjadi faktor pada identiti yang celaru dalam seni bina tempatan apabila banyak bangunan yang dibangunkan pada era penjajahan turut mengikut acuan Barat. Menurut Hijjas Kasturi (2015), idea seni reka Barat yang banyak menjadikan “kekayaan dan kekuasaan” sebagai simbol mula menular terutama ketika Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1941 hingga 1950. Ia boleh dilihat secara jelas menerusi seni bina bangunan sekolah yang kebanyakannya berwajah British. Ia antara kesan ketara pendudukan empayar mereka di Tanah Melayu satu masa dulu. Justeru, besar harapan untuk pereka

tempatan melakukan perubahan dengan tidak mencedok idea Barat dalam rekaan mereka kerana sejak sekian lama kita sudah dibelenggu dengan pemikiran dan budaya mereka. Mengulas mengenai era kegemilangan seni bina tempatan, Hijjas menyifatkan pembinaan Masjid Negara pada tahun 1963 sebagai mercu tanda keindahan binaan negara, kerana tidak mengikut mana-mana rekaan luar negara, sebaliknya ia padat dengan manifestasi imej tempatan (Latifah, 23 September 2015, *Berita Harian*).

Dengan melaksanakan konsep asas susun atur dan reka bentuk, ruang serambi di Masjid Negara masih berjaya melaksanakan peranan yang hampir sama dengan serambi rumah Melayu: ruang menyambut kedatangan pengunjung dan menyediakan suasana yang selesa untuk aktiviti tidak formal. Hal yang sama boleh dilihat pada bangunan Parlimen yang menerapkan unsur seni bina Melayu dalam reka bentuknya. Misalnya, bumbung panjang di podium bangunan tersebut menunjukkan reka bentuk bumbung panjang rumah Melayu tradisional di Melaka. Akan tetapi, pengadaptasian itu tidak dilakukan per se, kerana telah disertakan daya inovasi yang melibatkan teknologi konkrit bertetulang untuk menonjolkan struktur kekuda bumbungnya di bahagian luar (Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007: 281).



Gambar 2: Masjid Negara yang berbentuk seakan-akan payung adalah antara seni bina tempatan yang amat dikagumi.

Sumber: Effendy Rashid, Latifah, *Berita Harian*, 23 September 2021.

Ramai dalam kalangan masyarakat moden Malaysia hari ini yang tidak menyedari tentang adanya teknologi binaan yang telah dibangunkan oleh masyarakat Melayu terdahulu yang telah berjaya mengatasi pelbagai masalah bencana alam dan dalam masa yang sama boleh memberikan keselesaan hawa dan keselamatan kepada penghuninya. Ini adalah berikutan dari terlalu bergantungnya masyarakat kita kepada teknologi impot yang telah dibangunkan oleh kebanyakannya dari barat (M. Surat, et al., 2009: 20). Sebagai contoh, kebanyakan rumah moden kini dibina berasaskan konsep moden ala-barat. Struktur dan susun atur rumah dibuat meletakkan bahagian dapur di bahagian hadapan, diikuti dengan bahagian ruang tamu dan bilik tidur di bahagian belakang. Selain itu, bangunan-bangunan moden juga tidak memberikan keselesaan hawa kepada penghuninya. Lantaran itu, bagi mengatasi permasalahan tersebut, kipas angin dan alat penyaman udara diperlukan, yang akan memberikan kesan yang berpanjangan terhadap penggunaan tenaga (M. Surat, et al., 2009: 21).

Identiti Melayu sukar untuk diterapkan dalam seni bina Malaysia berikutan ketidakarifan generasi muda Melayu mengenai seni dan budaya bangsa (Hafizah Iszahanid, 2017). Hal itu menjadi semakin rumit kerana kebanyakan pemaju juga bukan dalam kalangan orang Melayu, selain kos pembinaan seni bina tradisional amat tinggi. Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Rais Yatim, menyatakan bahawa adalah tidak tepat untuk menyalahkan generasi muda sebagai tidak peduli atau tidak menghargai budaya sendiri. Hal ini kerana menurut beliau, generasi muda hari ini tidak pernah diajar untuk menghargai budaya sendiri. Mereka sudah dicuci dan dibasuh untuk melihat apa yang ada di luar budaya mereka itu sebagai lebih baik. Selain ilmu agama, sepatutnya anak-anak muda diajar tentang budaya dan budi Melayu, tetapi malangnya apa yang berlaku sekarang adalah generasi muda berasa ganjil dengan budaya tempatan (Hafizah Iszahanid, 2017).

Pada tahun 1950-an dan 1960-an boleh dianggap masa pencarian identiti seni bina nasional. Perdebatan dan perbincangan mengenainya tidak berlangsung dengan serius sehingga tahun 1970-an. Yang penting ialah unsur seni bina

Melayu tradisional mula kelihatan dalam gaya rupa seni bina moden pada awal tahun 1960-an. Masjid Negeri di Seremban yang dibina pada tahun 1967 dan Restoran A&W di Petaling Jaya yang dibina pada awal 1970-an adalah contoh pengadaptasian seni bina Melayu dalam gaya rupa seni bina moden. Idea menerapkan unsur seni bina tradisional Melayu ke dalam seni bina moden dilihat sebagai jalan penyelesaian yang paling popular ke arah mencari identiti seni bina nasional di Malaysia pada tahun 1960-an dan 1970-an. Ia terus dibincangkan pada tahun 1980-an apabila Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan Seminar Ke arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina pada 20 hingga 23 Januari 1980 di Kuala Lumpur. Antara resolusi seminar itu adalah:

Seni bina Malaysia seharusnya mempunyai identiti tertentu yang boleh dikenal oleh masyarakat dan hendaklah berteraskan kepada kesenian Melayu (1980:10).

Resolusi yang dikemukakan dalam seminar tersebut telah memberi implikasi besar kepada pendekatan seni bina identiti nasional pada tahun 1980-an dan 1990-an. Terdapat banyak bangunan, terutamanya pejabat kerajaan telah menerapkan seni bina Melayu ke dalam reka bentuk masing-masing. Namun begitu, peningkatan seni bina Melayu dalam seni bina bangunan baru ketika itu juga banyak dipengaruhi falsafah seni bina dari negara barat pasca-modernisme. Arus perdana seni bina pada zaman tersebut yang berkiblatkan Post-Modernisme, telah mencadangkan penerapan ciri seni bina tradisional dalam seni bina baru (Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007: 282).

Terdapat usaha untuk mengekalkan identiti nasional yang dianggap berjaya dan mempunyai arah tuju yang jelas pada peringkat awalnya, namun begitu, pada dekad 80-an, telah muncul kelemahan seperti “seni bina belon” serta “seni bina potong dan tampal”. Puncunya ialah pemahaman yang sempit ramai ahli profesional dan akademik seni bina tentang maksud dan peranan mewujudkan identiti seni bina nasional. Podium ibu pejabat Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) di Kuala Lumpur adalah contoh “seni bina belon”, manakala kampus induk Universiti Teknologi Malaysia di Skudai dan Kelab Sultan Alam Shah adalah contoh yang menggunakan pendekatan “potong dan tampal”. “Seni bina belon” yang dikaitkan dengan reka bentuk

podium ibu pejabat BBMB itu ialah ia meniru secara terus reka bentuk rumah Melayu Kelantan dengan dibesarkannya beberapa kali ganda, sedangkan bangunan yang direkabentuk tersebut bukan lagi sebuah rumah Melayu (Mohd Tajuddin Rasdi 2001: 28). Perumpamaan “belon” pada seni bina tersebut bukanlah dari segi bentuknya, tetapi keadaan fizikalnya yang dibesarkan beberapa kali ganda dari saiz yang asal (Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007: 283). Justeru, menurut Kamarul Afizi & Nik Lukman, (2007), perbuatan meniru secara terus reka bentuk rumah tradisi Melayu dan ditampilkan kepada bangunan moden, seperti pejabat, dalam saiz yang jauh lebih besar bukan sahaja tidak mempunyai kaitan dari segi fungsi dan budaya semasa pengguna masa kini, tetapi juga boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat antarabangsa bahawa pemikiran masyarakat negara ini mengenai seni bina tidak berkembang.

d) Pengabaian Aspek faktor Iklim dan Budaya Tempatan

Malaysia merupakan negara yang beriklim khatulistiwa yang juga dikenali sebagai iklim hutan hujan tropika, yang bercuaca panas dan lembap sepanjang tahun dengan hujan lebat yang turun pada waktu petang hampir setiap hari. Secara amnya tiada musim panas dan sejuk yang ketara. Namun begitu, seni bina di Malaysia terlalu mengikut gaya tertentu sehingga mengakibatkan rumah direkabentuk dengan mengabaikan faktor cuaca tempatan dan menyebabkan rumah sukar disesuaikan dengan iklim setempat (Hamidon Abdullah, 2009).

Keadaan ini meningkatkan risiko pertumbuhan kulat di dalam dan di luar rumah dan sekaligus mengakibatkan kualiti udara di dalam kediaman terjejas akibat kulat dan boleh memberi kesan yang buruk kepada tahap kesihatan penghuninya. Perkara ini sebenarnya telah ditekan oleh Jabatan Kerja Raya melalui ‘garis panduan bagi mencegah kulat di bangunan’ (Mastor Surat, 2012: 2). Tambahan pula, seni bina moden mempunyai kelemahan dari segi susun-atur ruang yang tidak menjaga privasi atau hak penghuninya, bahan binaan yang mempunyai kapasiti terma yang tinggi dan elemen-elemen pada “fasad” atau bahagian hadapan luar bangunan yang tidak responsif kepada iklim di Malaysia dan menampakkan struktur seni binanya yang tidak

sesuai berada di sebuah negara beriklim tropika atau zon panas khatulistiwa seperti Malaysia (Mohd Firrdhaus, 2016).

Begitu juga dengan aspek-aspek seperti pengudaraan langsung (*cross ventilation*) dan pencahayaan semulajadi yang terdapat pada kediaman moden pada hari ini telah diabaikan sama sekali. Akibatnya, penghuni di dalam rumah menjadi berbahang dan tidak selesa, malah mudah cepat berpeluh walaupun kipas telah dipasang pada kadar yang maksimum. Pergantungan terhadap sistem pengudaraan mekanikal menyebabkan pengguna terpaksa membazirkan wang yang banyak sepanjang hayat bagi sesebuah bangunan itu (Alvin, 1983). Selain itu, penggunaan penghawa dingin dan kenderaan bermotor ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar seperti pencemaran udara dan peningkatan suhu bumi. Menurut Mohd. Tajuddin, (2003), kesan negatif daripada keadaan tersebut menyebabkan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan penafasan seperti asma sering melanda masyarakat Malaysia.

Kediaman masa kini juga sudah kehilangan aspek budaya (Mastor, 2012: 4). Sebagai contoh, masyarakat Melayu kebiasaannya makan di atas lantai dengan duduk bersila. Ini memerlukan pendekatan reka bentuk yang luas bukaan dapur dan orientasi ruang. Menurut Mohammad Tajuddin (2011), apa yang dapat dilihat kini ialah reka bentuk dapur sering dibina kecil dan terletak di tengah-tengah atau di ruang hadapan rumah dengan menganggap cara memasak masyarakat di Malaysia sama seperti di Eropah. Beliau juga turut mempersoalkan permasalahan yang sama untuk upacara kemasyarakatan yang lain, seperti kenduri kahwin, upacara marhaban dan berkhatan. Begitu juga dengan pengurusan jenazah, keperluan ruang tersebut semakin diabaikan oleh kebanyakan rumah moden masa kini (Mohamad Tajuddin, 2011). Berbanding dengan struktur dapur rumah orang Melayu secara tradisionalnya terletak di bahagian belakang rumah. Ia biasanya dibina sebesar ruang tamu dan kegunaannya bukan sahaja untuk aktiviti memasak tetapi juga sebagai tempat untuk menjaga anak kecil, bersosial atau sebagai persediaan untuk kenduri-kendara (Mastor, 2012: 4).

e) Impak Modenisme dan Urbanisasi

Menurut M. Surat, et al (2009: 20), kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya yang berbangsa Melayu dan beragama Islam telah keliru dengan bentuk pembangunan seni bina yang sepatutnya mereka nikmati. Selain membangunkan seni bina bangunan dan rumah kediaman yang tidak sesuai dengan budaya dan persekitaran berikutan peniruan ciri moden yang lebih bersifat solekan (*cosmetic*), terdapat juga masyarakat yang telah membangunkan seni bina menurut kaedah konvensional yang telah tercemar dan tidak menyertai arus pembangunan teknologi berikutan ketidak fahaman atau kejahilan tentang falsafah dan kehebatan nilai seni bina warisan yang telah ditinggalkan kepada mereka.

Arus kemodenan juga telah banyak merubahkan keadaan tersebut dan tukang-tukang yang mahir semakin hari semakin hilang ditelan arus zaman dan menjadikan seni pertukangan yang unik itu semakin pudar dan menjadi pesaing hebat kepada unsur kemodenan. Tetapi itu tidak bererti kita harus menerima dengan begitu terbuka dan membiarkan warisan seni itu pupus begitu sahaja. Yang penting ialah masyarakat perlu cuba memahaminya melalui beberapa proses dan cuba mengasimilasikan seni bina rumah tradisional ke dalam seni bina tempatan (Zulkifli Hanafi, 1996: 1-2).

f) Impak Sekularisme dan Kekangan Pengistilahan Warisan

Definisi lama seni bina Melayu dianggap menjadi punca pengabaian bangunan lama yang memiliki nilai sejarah daripada terus dipelihara dan dipulihara. Persoalan kewajaran seni bina Melayu 'dibebaskan' dengan definisi baharu itu dibangkitkan pada Wacana Pra Kongres 2017 Warisan Seni Rupa Bangsa yang diadakan di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM). Menurut pensyarah Seni Bina Universiti UCSI, Prof Dr Mohd Tajudin Mohd Rasdi, bahawa terjemahan seni bina Melayu pada definisi yang dipegang kini menyebabkan bangunan yang sepatutnya dipelihara, tidak lagi dipedulikan. Menurut beliau, rumah tradisional Melayu tidak lagi dipedulikan meskipun ia memiliki ciri berbeza dengan kebanyakan rumah moden kini, termasuk memiliki '*thermal comfort*' yang membolehkan pengaliran udara yang baik (*Berita Harian*, April 5, 2017).

Pentafsiran semula definisi warisan ini perlu dibuka semula dan keterikatan pada satu idea yang warisan seni bina Melayu terdiri daripada bangunan kayu sahaja akan menimbulkan satu masalah. Mohd Tajudin menyarankan agar penggerak seni bina Melayu bergerak bersandarkan kepada minda yang terbuka kepada kepelbagaian nilai, termasuk demokrasi seperti yang dilakukan masyarakat Eropah yang mentransformasi konotasi warisan dan menyesuaikan dalam era moden (*Berita Harian*, April 5, 2017).

Selain itu, memperkenalkan dan menghidupkan semula minda generasi muda akan keistimewaan pembinaan rumah tradisi Melayu supaya mereka dapat lihat keunikannya dan bangga akan kecantikannya melalui pelbagai platform media sosial. Mereka perlu diberikan pendedahan tentang perbezaan rumah tradisional Melayu dan rumah zaman moden dan memahami adatnya sekaligus menghebahkan tentang kesusahan dalam mengekalkan warisan tradisi yang telah dijaga berzaman-zaman. Alternatif yang boleh dilakukan seperti menghasilkan video tentang kepentingan setiap ruang pada rumah tradisional Melayu melalui drama atau filem tempatan. Tambahan pula, inisiatif seperti mengadakan kempen dan pameran dalam mempromosikan warisan falsafah rumah tradisional Melayu dapat menghidupkan perasaan ingin tahu dalam diri golongan muda. Pengekalkan replika rumah lama dan mempamerkan sebagai muzium untuk diwartakan sebagai pusat pelancongan boleh dilakukan. Oleh itu, mereka dapat melihat sendiri kemegahan pada struktur pembinaan rumah tradisional Melayu dan mengenali gaya seni bina rumah tersebut.

Implikasi Pengabaian Warisan Budaya Seni Bina Tradisional Rumah Melayu di Malaysia

Kajian ini telah mengenalpasti implikasi pengabaian terhadap warisan budaya seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia secara umum, antaranya:

a) Penghapusan Warisan Budaya Seni Bina Tradisional dengan Kepesatan Binaan Moden

Nilai penghargaan terhadap warisan seni bina rumah-rumah Melayu kini semakin berkurangan dalam diri masyarakat

tempatan di Malaysia oleh kerana kurang minat terhadap reka bentuknya yang dikatakan tidak tepat dengan cita rasa. Arus kemodenan menyebabkan generasi muda kini jahil akan keunikan warisan seni bina tempatan dan keadaan tersebut banyak mempengaruhi cara berfikir masyarakat moden kini. Akibatnya, ini memberi kesan terhadap kesinambungan profesion pekerjaan tukang-tukang mahir dalam seni bina tempatan, akibat minat terhadap seni seni pertukangan rumah tradisional yang semakin terhakis oleh gaya hidup moden.

b) Terhakis Seni Warisan Kearifan Tempatan

Kesedaran dan keprihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan Rumah Tradisional Melayu kini amat penting, untuk pengetahuan dan kesinambungan warisan budaya dan sebagai bukti kecintaan generasi kini terhadap warisan tradisi silam (Mohamad Sohaimi Man, 2017). Kealpaan kita terhadap seni warisan ini boleh menyebabkan terhakis dan pupusnya warisan kearifan tempatan yang sangat bernilai ini. Alangkah malangnya masyarakat Melayu yang mempunyai nilai ketinggian ketamadunan dipersia-siakan, lantaran keagungan kita terhadap budaya hidup moden yang memiliki banyak kekurangan dari segi penyesuaian iklim, citra budaya, reka bentuk dan nilai estetika.

Cadangan Strategi Penyelesaian dalam Pengekalan Warisan Rumah Tradisional Melayu

Berdasarkan situasi kritikal terhadap warisan seni bina rumah tradisional Melayu yang semakin tidak dipedulikan kajian ini mencadangkan beberapa strategi ampuh sebagai penyelesaian kepada isu peminggiran elemen warisan seni bina tempatan pada masa kini. Strategi bagi mengekalkan identiti kebangsaan melalui usaha mengekalkan rumah tradisional Melayu perlu dilakukan oleh semua pihak, dan ia dapat direalisasikan melalui usaha seperti berikut:

a) Pemuliharaan Warisan Binaan Rumah Tradisional Melayu
Usaha untuk mengekalkan elemen warisan tradisional rumah Melayu perlu mendapat dokongan daripada pihak berkuasa tempatan. Di Malaysia, Jawatankuasa Warisan Negara (JWN)

dipertanggungjawabkan untuk meneruskan usaha bagi mengekalkan dan memulihara binaan Melayu ini mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (*Berita Harian*, 5 April 2017). Antara tugas utama jawatankuasa ini dalam usaha pemuliharaan warisan negara ini termasuklah menjaga dan memelihara serta membaik pulih bangunan tradisional ini, malah ada antaranya yang roboh akan dibina semula berdasarkan garis panduan yang disediakan. Pada ketika ini terdapat sejumlah 33 pakar pemuliharaan berdaftar yang dilantik di bawah JWN bagi membantu agensi itu dalam kerja pemuliharaan bangunan warisan ini.

Sejak tahun 2007, badan tertinggi dan paling berkuasa dalam hal-ehwal perlindungan dan pemuliharaan warisan negara adalah Jabatan Warisan Malaysia (JWM). Jabatan ini mengambil alih fungsi yang dipegang oleh Muzium Negara. Pada masa sebelum itu, Muzium Negara yang menjadi badan induk dengan kuasa tertinggi dalam hal-ehwal ini termasuk, perlesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan, dan merupakan pihak berkuasa dalam penguatkuasaan undang-undang bahan-bahan warisan di seluruh negara. Muzium Negaralah satu-satunya badan di peringkat nasional yang mengawal, memantau, menyelaraskan dan menyeragamkan perjalanan urusan permuziuman dan pemuliharaan warisan di seluruh negara. Jabatan berdiri sendiri dengan kuasa yang diberikan oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan ia berada di atas kesemua muzium. Ertinya, Muzium Negara berada di bawah Jabatan Warisan Malaysia. Pada tahun 2009 ditubuhkan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Oleh itu, Jabatan Warisan Malaysia berada di bawah Kementerian tersebut sehingga ke hari ini (Yuszaidy et. al., 2010: 280-281).



Gambar 3: Rekaan bangunan Perpustakaan Negara Malaysia yang menampilkan elemen songket.



Gambar 4: Menara Maybank, yang diilhamkan daripada bentuk keris Melayu dan Menara Telekom, yang mendapat inspirasi daripada hasil karya seniman tersohor, A Latiff Mohidin berjudul Pago-pago.

Sumber: Nor 'Asyikin Mat Hayin. (Ogos 18, 2017). Pencakar langit. *Harian Metro*.

- c) Penerapan Elemen Kecintaan Terhadap Tradisi dalam Kalangan Generasi Muda

Antara cara terbaik untuk menanamkan kecintaan generasi muda terhadap budaya tradisi seni bina rumah Melayu ialah menekankan aspek identiti budaya tradisi dalam skop pengajian bidang seni bina di universiti. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan perlu melihat secara lebih serius tentang penerapan dan pengekalan identiti budaya Melayu agar anak muda lebih dekat kepada nilai tempatan (Hafizah Iszahanid, 2017).

d) Usaha Mewujudkan antara Pihak Muzium dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia Kerjasama dalam Mewujudkan Model Rumah Tradisional Melayu

Antara cadangan yang praktikal bagi mengekalkan tradisi warisan seni bina tempatan untuk generasi muda, kerjasama antara pihak muzium dan pusat pengajian tinggi tempatan boleh diwujudkan. Model binaan rumah tradisional Melayu boleh dibina untuk tatapan dan pengetahuan generasi muda. Hal ini telah pun diusahakan oleh Muzium Warisan Melayu, dengan Kerjasama Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan memulihara empat rumah tradisional dari empat negeri berbeza bersama sejarah istimewa (Aniza Zainudin, 2019).

Empat rumah warisan berkenaan dimiliki oleh Penghulu Ismail Khatib Bakar (Rumah Tradisional Pahang), Wan Muda Wan Hassan (Rumah Tradisional Terengganu), Uda Noh Kanda Jaafar (Rumah Tradisional Perak) dan Datuk Raja Diwangsa Muhammad Yunus Jabar (Rumah Tradisional Negeri Sembilan). Menurut Siti Noor Aisyah (2019), rumah milik Penghulu Ismail diperoleh di Kampung Kelola, Jerantut yang dipercayai dibina pada 1919 dan mempunyai ruang lebih besar berbanding rumah lain. Rumah tradisional ini terbahagi kepada dua bahagian, ruang ibu berfungsi hanya untuk keluarga manakala balai bagi urusan berkaitan penduduk kampung. Dengan kapasiti yang boleh memuatkan seramai 100 orang, rumah yang sering menjadi tumpuan acara ini bercirikan tangga tinggi menunjukkan status penghulu serta pintu tambahan sebagai laluan untuk menaiki gajah (Aniza Zainudin, 2019).

d) Kempen Penerangan dan Pendidikan melalui Media Massa, Media Sosial dan Media Elektronik.

Usaha dalam menghidupkan kembali tradisi pembinaan rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan wajib dibincangkan supaya menjadi titik permulaan bagi peningkatan pada tahap penghayatan masyarakat terhadap perihal ini, antaranya mengadakan kempen penerangan dan pendidikan melalui media massa, media sosial dan media elektronik tentang kepentingan memulihara warisan seni bina tempatan.

e) **Rekabentuk Moden Bercirikan Warisan-Hibrid**

Disarankan agar reka bentuk rumah moden boleh disesuaikan dengan ciri-ciri hidrid, iaitu campuran elemen tradisional dan moden dalam satu rekaan yang bersesuaian dengan iklim, cuaca dan persekitaran Malaysia serta bahan binaan yang mesra alam. Selain itu, strategi yang boleh diusahakan adalah menggabungkan atau mengekalkan kualiti ciri-ciri struktur binaan asal rumah tradisional Melayu di samping konsep pembinaan gaya moden semasa seperti mengubahsuai rumah dengan mengaplikasikan elemen yang dapat mengekalkan unsur-unsur tradisi rumah tradisional Melayu. Misalnya, bahagian anjung rumah boleh bercirikan adat Melayu dengan ukiran-ukiran yang menarik. Dengan ini, ia dapat menanam minat penduduk untuk membina rumah bercirikan tradisional mengikut kos pembinaan dan cita rasa masing-masing. Pada ketika rumah tradisional Melayu tidak lagi dipedulikan walaupun ia memiliki ciri berbeza dengan kebanyakan rumah moden kini, termasuk memiliki '*thermal comfort*' atau "*ventilation system*" yang membolehkan pengaliran udara yang baik (*Berita Harian*, 5 April 2017). Justeru, keterbukaan minda masyarakat Melayu yang selama ini menganggap warisan seni bina Melayu terdiri daripada bangunan kayu sahaja akan menimbulkan satu masalah dan seharusnya dibuang.

Usaha Pemeliharaan Warisan Budaya Rumah Tradisional Melayu di Malaysia

Terdapat pelbagai usaha dilakukan untuk pengekalkan warisan tradisi rumah tradisional Melayu di Malaysia. Menurut Mohd Firrdhaus (2016), antara usaha yang dilakukan untuk memulihara warisan rumah tradisional ialah pemeliharaan rumah tertua yang pernah didokumentasikan oleh Pusat Kajian Alam

Bina Dunia Melayu (KALAM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sehingga kini di Malaysia, iaitu rumah Datuk Baginda Tan Mas Mohar yang terletak di Negeri Sembilan. Rumah ini dibina sekitar tahun 1850. Kesenian pertukangan rumah-rumah tradisional ini adalah sangat tinggi nilainya, iaitu merangkumi tiga (3) cabang kesenian iaitu; kesenian susunatur ruang, kesenian kaedah pembinaan dan kesenian adaptasi komponen binaan terhadap iklim setempat.

KESIMPULAN

Pelbagai cabaran mengekalkan tradisi seni bina rumah tradisional dikemukakan dalam kajian ini. Walaupun perkembangan seni bina berubah seiring dengan modenisasi, ia tidak bermakna kita perlu mengabaikan identiti tempatan, sebaliknya berani mencuba sesuatu yang baharu dengan pengekalan akar budi bangsa. Mengekalkan budaya bangsa tidak bermakna masyarakat melayu akan jauh ketinggalan di belakang. Tidak salah untuk mengikuti arus kemodenan serta mencipta rekaan baharu, tetapi janganlah sampai melupakan asal usul. Seni bina ialah dunia kreatif yang perlu diteroka. Masih banyak unsur budaya yang perlu digali dan diketengahkan untuk dimartabatkan bukan saja dalam kalangan masyarakat, tetapi juga untuk ditunjukkan pada dunia tentang tingginya warisan budaya yang amat bernilai.

Tuntasnya, cabaran-cabaran ini membuka minda masyarakat tentang kelemahan dalam mempertahankan warisan seni bina rumah Melayu tradisional. Tidak dapat dinafikan, bahawa negara menghadapi cabaran getir untuk memartabatkan warisan Melayu agar tidak hanyut ditelan zaman. Hal ini kerana banyak idea dan inisiatif baru yang dihasilkan daripada seni bina moden umpama cendawan tumbuh selepas hujan dianggap memudahkan masyarakat. Hakikatnya, perancangan tersebut lebih memberikan kesan yang negatif sama ada kepada manusia atau pun alam sekitar. Dengan itu, langkah-langkah yang efektif perlu difikirkan untuk memastikan warisan Melayu terus dipelihara selari dengan impian negara ke arah kemajuan.

RUJUKAN

“Fungsi loteng”, *Harian Metro*, 3 Disember 2016.
<https://api.hmetro.com.my/node/186345>.

Adibah, Khairul Aidil Azlin dan Yakup. (2015). Elemen Estetika Reka Bentuk Jendela/ Tingkap Rumah Melayu Tradisional di Sarawak.

<https://sarawakheritagesociety.com/storage/2020/08/Elemen-Eстетika-Reka-Bentuk-Jendela-Tingkap-Rumah-Melayu-Tradisional-di-Sarawak-UNIMAS-KABOKA-2013.pdf>.

A. Majid, Nabihah; M. Juperi, Norfarain; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). Tamadun Melayu Islam dan Pencapaian Teknologi in Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 171-182. ISBN: 978-967-2171-28-7.

Abdul Azis Said. (2004). *Symbolisme Unsur Visual Rumah Tradisional Toraja dan Perubahan Aplikasinya Pada Desain Modern*. Yogyakarta: Ombak Press.

Abdul Halim Nasir. (1985). Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia. Cheras: Darulfikir.

Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2000). Tajul Muluk. Dlm *Petua Membina Rumah Melayu Dari Sudut Etnis Dan Antropologist*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Abdullah Munsyi. (1938). *Bahwa ini kisah pelayaran `Abdullah bin `Abdul Kadir Munsyi dari Singapura sampai ke Kelantan*. Singapura: Press of the American Mission.

Ahmad Sanusi Hassan & Ku Azhar Ku Hassan. (2001). Corak perumahan tradisional berkepadatan tinggi. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Ahmad Sunawari Long. (2017). *Sejarah Falsafah*. Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Aniza Zainudin. (12 Jun 2019). Lebaran di Rumah Melayu. *Harian Metro*.

<https://api.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/464365/lebaran-di-rumah-melayu>.

Anwar Din. (2007). Kesenian: Konsep, Aliran dan Kritikan. Dalam Anwar Din. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Aziz, Noor Faizah and Md. Jahi, Jamaluddin and Arifin, Kadir and Ujang, Aziz. (2008). *Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Traditional / Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir. Arifin & Aziz Ujang. International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)*, 2(2), 105 – 111.
- Bashir A. Kazimee. (2012). *Heritage and Sustainability in the Islamic Built Environment*. USA: WIT Press.
- Berita Harian. (April 5, 2017). Seni bina Warisan Perlu Transformasi.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/268059/seni-bina-warisan-perlu-transformasi>.
- Berita Media Corp. (29 Oktober 2010). Usaha pulihara rumah tradisional M'sia, keunikan seni bina.
<https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/usaha-pulihara-rumah-tradisional-m-sia-keunikan-seni-bina/4356272.html>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.
- Chen, Y., Ariffin, S. I. & Wang, M. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 7(2): 247–254. doi:10.3130/jaabe.7.247.
- Chen, Yao-Ru., Syed Iskandar Ariffin and Wang, Ming-Hung. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*. November 2008, 7(2), 247-254. Diakses pada 4 Mei 2021 di halaman https://www.jstage.jst.go.jp/article/jaabe/7/2/7_2_247/pdf
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dasar Rumah Mampu Milik Residensi Prihatin Wilayah Persekutuan. (26 Februari 2021). Kuala Lumpur: Bahagian Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan.
- Fairuzah Basri, Farahdina Abdul Manaf dan Mujaini Tarimin. (2019). Cabaran dan Pemantapan Budaya Melayu dalam Penerusan Tamadun Melayu. Seminar Antarabangsa

- Pendidikan Bahasa, Sastra Dan Budaya Melayu Kedua, Di Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.
- Gall, M.D., Gall, J.P., & Borg, W.R. (2007). *Educational Research: An Introduction* (8th ed.). Boston: Pearson.
- Hafizah Iszahanid. (Ogos 3, 2017). Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/30/8459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>.
- HAMKA. (1976). *Sejarah Umat Islam*. 4th ed. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hardono, S. (2015). pengaruh matrilineal pada susun atur ruang dalaman Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau di Sumatera Barat ini. Universiti Sains Malaysia. *Harian Metro*. (22 Oktober 2016). Tiga Kompenan Utama. <https://api.hmetro.com.my/node/175894>.
- Hasanuddin Yusuf. (2020). Sistem Pencegahan Kebakaran dalam Rumah Tradisional Melayu. *Malakat Tribune*. <https://www.malakatribunenews.com/2020/10/sistem-pencegahan-kebakaran-dalam-rumah-tradisional-melayu/>.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online (Journal of Language Studies)*, 12(1), 163-182. http://journalarticle.ukm.my/3269/1/pp_163_182.pdf.
- Hashim Hj. Musa. (2005). The theory of knowledge and language: An alternative view from Malay Studies Perspective. *AFKAR, Journal of Akidah & Islamic Thought*, 6, Mei 2005, hlm. 193-224.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasrina Baharum & Mariyati Haji Mohd Nor. (2016). Ilmu Perancangan Tapak Landskap Melayu Dalam Karya Melayu (Tradisional Malay Landscape Planning Knowledge In Tradisional Malay Masterpiece). *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 11*, 2016, pp. 45-54.

- Hossein Nassaji. (2015). Qualitative and Descriptive Research: Data Type Versus Data Analysis. *Language Teaching Research* 2015, 19(2) 129–132.
- http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/wacanafikrah_okt.pdf.
- Idris Ahmad. (1984). Pendekatan Spriritual dalam Pembinaan Rumah Melayu di Seberang Perai. Kajian Ilmiah Pusat Pengajian Perumahan, Universiti Sains Malaysia.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu (Islam And Its Philosophy in Malay Culture). *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), pp. 91-108.
- Ifwan Tun Tuah. (31 Mac 2016). Rumah 150 Tahun Masih Teguh. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/03/138998/rumah-150-tahun-masih-teguh>.
- Ira Mentayani. (2012). “Menggalikan Makna Arsitektur Vernakular: Ranah, Unsur dan Aspek-aspek Vernakularitas. *Journal of Architecture*, Vol. 1. 2(8): 68-82.
- Ismail, M., Abu Bakar, A. H., Abas, N. F., Roosli, R., & Abdullah, S. (2015). Non-Structural Elements of the Traditional Malay Houses in the East Coast and Northern Peninsular Malaysia: Similarities and Differences. *Applied Mechanics and Materials*, 747, 188–191. <https://doi.org/10.4028/www.scientific.net/amm.747.188>
- Ismail, Noor Hafiza and Hamzah, Azni Hanim and Mat Sari, Mohd Fauzan (2019). Keindahan ukiran kayu pada mimbar Masjid Terengganu pada tahun 2009 hingga 2014 / Noor Hafiza Ismail, Azni Hanim Hamzah dan Mohd Fauzan Mat Sari. *Jurnal Inspirasi Seni Intelektual (I.S.I)*. pp. 81-95. ISSN 2637-0115. Official URL: <https://fliphtml5.com/wjzdi/axim/basic/>
- Johnmarshall Reeve. (2015). *Understanding Motivation and Emotion*. United State of America: George Hoffman.
- Juliet Corbin, Anselm Strauss. (1996). *Basics of Qualitative Research 3e*. Los Angeles: Sage Publication.
- Kamarul Afizi Kosman, and Nik Lukman Nik Ibrahim. (2007). Identiti seni bina Malaysia: Masalah dan penyelesaiannya. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 25. pp. 270-290.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Krier, R. (1988). *Architectural Composition*. New York: Rizolli International Publications, Inc.
- Latifah. (23 September 2021). Seni Bina Tempatan Leka Tiru Idea Luar. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/83885/seni-bina-tempatan-leka-tiru-idea-luar>
- Lim Jee Yuan. (1991). *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*. Pulau Pinang: Institut Masyarakat.
- M. Surat, M. A. Baharum, I.M.S Usman, A. R. Musa, & N. M Tawil. (2012). Mengenal pasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal Design + Built*, 5(1), 1 – 11. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47> at 20 November 2017.
- M. Surat, Usman I.M.S, Tahir M.M, Abdul Halim Ismail, N.L. Nik Ibrahim. (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Seni Bina Warisan Melayu bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa Serta Penyelesaian Masalah Iklim dan Persekitaran dalam Seni Bina Masa Kini. *Journal Design and Built*. Volume 2, 2009, 8-27.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *AISHE-J*, 9, 3351. <http://ojs.aishe.org/index.php/aishe-j/article/view/3354>.
- Mastor Surat, Ar. (2012). Identiti Seni Bina Kebangsaan Melalui Pendekatan Seni Bina Warisan Alam Melayu. Bengkel Garispanduan Identiti Seni Bina Kebangsaan Royale Bintang, Mutiara Damansara, 18 – 19 Disember, 2012. Dianjurkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://melayu.library.uitm.edu.my/1420/1/fail3%20%281%29.pdf>.
- Mastor Surat, H. Othman, A.R.Musa (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Senibina Warisan Melayu Bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa Serta Penyelesaian Masalah Iklim Dan Persekitaran Dalam Senibina Masa kini. Prosiding Simposium Alam Bina Serantau 2009, FKAB, UKM.
- Mastor Surat, M. A. Baharum, I.M.S Usman, A. R. Musa, & N. M Tawil. (2012). Mengenal pasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal Design + Built*, 5(1), 1 – 11. Retrieved from

<http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47> at 10 Mei 2021.

- Mastor Surat, Usman I.M.S, Tahir M.M, Abdul Halim Ismail, N.L. Nik Ibrahim. (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Seni Bina Warisan Melayu bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa serta Penyelesaian Masalah Iklim dan Persekitaran Dalam Seni Bina Masa Kini. *Journal Design & Built*, 2, 18-27.
- Mawar Masri, Rodzyah Mohd Yunus, Mohamad Hanif Abdul Wahab. (2015). Manifestation of Archipelagic Culture: How significant is it within the Negeri Sembilan Malay Traditional Architecture?. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 02 (2015), pp 1-11. ASEAN-Turkey ASLI Conferences on Quality of Life 2015. AicQoL2015Jakarta AMER International Conference on Quality of Life, The Akmani Hotel, Jakarta, Indonesia, 25-27 April 2015.
- Mawar Masri. (2012). The Misconceptions of Negeri Sembilan Traditional Architecture. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 68 (2012), pp. 363 – 382. AicE-Bs 2012 Cairo ASIA Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies Mercure Le Sphinx Cairo Hotel, Giza, Egypt, 31 October 2 November 2012. doi: 10.1016/j.sbspro.2012.12.234.
- Md. Salleh Yaapar. (2014). *Peri Nama, Asal Usul dan Identiti Melayu: Ke arah Pencerahan yang Dinantikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin. (2016). Elemen “Merantau” Di Alam Bina Melayu. International Conference Local Knowledge 2016. 1-10. Dicapai pada 8 Mei 2021. https://www.researchgate.net/publication/320627114_Elemen_Merantau_Di_Alam_Bina_Melayu.
- Mohamad Hanif, Shamsidar, Mawar, & Abu Bakar. (2015). Malay furniture: Design, function and meaning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 202, 285 – 293. Retrieved from https://ac.els-cdn.com/S1877042815048806/1-s2.0-S1877042815048806-main.pdf?_tid=069f7fbe-eb6a-11e7-8d21-00000aab0f01&acdnat=1514422807_635e9b3b658a5aeed78db904cd6bdc6 at 19 Mei 2021.
- Mohamad Sohaimi Man. (2017). Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. *Idealogy*, 2(1): 2-13, 2017.

- Mohamad Sohaimi Man. (2017). Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. *Ideology*, 2(1), pp. 2-13.
- Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, Gurupiah Mursib. (2004). Sahutan Regionalisme dalam Identiti Senibina di Malaysia: Adaptasi Awal Tradisi Modenisme 1950-1980. *Jurnal Alam Bina*, Jilid 6, No. 2, 2004. <https://core.ac.uk/download/pdf/11784577.pdf>.
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rasdi. (2011). *Architecture and Nation Building*. UTM: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rasdi. (2012). *Warisan Seni Bina Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firrdhaus Mohd Sahabuddin. (2016). Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti. *Majalah Sains*. Diterbitkan pada 16 Mac 2016. Diakses pada 9 Mei 2021. <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>.
- Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2012). *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Mohd. Nazaruddin Yusoff, Muhamad Khairul Anwar Osman dan Mohamad Khadafi Rofie, Mohd Nizho Abdul Rahman dan Azman Md. Zain. (2004) *Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi, hlm. 2.
- Mohd. Shuhaimi Hj. Ishak & Osman Chuah Abdullah. (2012). Islam and Malay World: An Insight into the Assimilation of Islamic Values. *World Journal of Islamic History and Civilization*. 2(2): 58-65.
- Moustapha Abbas. (15 Julai 2019). Sains Disebalik Rumah Tradisional Melayu. *The Patriot*. <https://www.thepatriots.asia/sains-disebalik-rumah-tradisional-melayu/>.
- Muhamad Fadzllah Zaini and Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur Seni Bina Melayu “Tangga” dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1 – 26.

- Muhamad Suhaimi Musa, Anuar Talib, & Mohd Dani Mohamad. (2011). Undang-undang Islam, adat, dan reka bentuk rumah Melayu tradisional. Paper presented at Seminar Warisan Nusantara dan Bicara Kraf Nusantara, Universiti Malaysia Sabah. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/281067350_Undang-undang_Islam_adat_dan_rekabentuk_rumah_Melayu_tradisional at 10 Mei 2021.
- Muhamat Hamzah Bin Eksan. (2014). Pengaruh Sejarah dan Agama dalam Seni Bina dan Ragam Hias Melayu. Universiti Malaya. Diakses pada 8 Mei 2021. https://www.academia.edu/7559530/Pengaruh_Sejarah_Terdhadap_Seni_Bina_Melayu.
- Nangkula, Kamarul Afizi. (2009). Tipologi reka bentuk masjid tradisional di Indonesia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu (SARI)*, 27(2), 229 – 245.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, Nasruddin Yunos. (2013). Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu*, 11, Disember 2013, hlm. 63-78.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2000). “Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan.” Dlm. Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (Pnyt.), *Tamadun Islam di Malaysia* (hlm. 287-337). K.L: DBP.
- Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2), 2014: 105 – 111.
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus and Mastor Surat. (2016). Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan dipengaruhi oleh Adat dan Kedaerahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15: 113–136. <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.5>.
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor Surat. (2017). Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi Oleh Adat Dan Kedaerahan. *Malaysian Journal of Creative Media, Design and Technology*. Vol. 1 No.1 2017, 1-12.

- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (24 November 2018). Rumah Konsep Islamik. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2018/11/397850/rumah-konsep-islamik>.
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (Ogos 18, 2017). Pencakar Langit. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/08/254884/pen-cakar-langit>.
- Noratiqah Ahmad Kazmar, Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2018). Falsafah Sejarah Naquib al-Attas dalam Karya Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Naquib al-Attas's Philosophy of History in Islam in Malay History and Culture). *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 2018, 101-105.
- Nur Adibah Nadiah, Mohd Aripin and Noor A'yunni, Muhammad. (2017). *Seni kelarai dan seni mura : pertembungan timur dan barat* / Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin dan Noor A'yunni Muhammad. *Ideology*, 2 (2). pp. 116-121. ISSN 2550-214X
- Nur Hasan. (2014). Kritik Islamic Worldview Syed Muhammad Naquib al-Attas Terhadap Western Worldview. Disertasi Sarjana Muda, Program Studi Aqidah Falsafah, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Nur Sabihah. (25 Mar 2021). Kenali 9 jenis rumah-rumah tradisional di Malaysia dan keunikannya. <https://www.iproperty.com.my/lifestyle/inspiration/kenali-9-jenis-rumah-rumah-tradisional-di-malaysia-dan-keunikannya-malayoc/>
- Othman Mohd Nor, R. Nafida, Norfazillah, N. & H. (2014). Peranan Ruang Serambi Dalam Adat Perpatih & Seni Bina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. Prosiding Simposium Antarabangsa Muafakat Minang., hlm. 311-324.
- Othman Yatim, & Abdul Halim Nasir. (2000). Seni bina Melayu Islam: Pengaruh agama. In Mohd. Taib Osman, & A. Aziz Deraman (Eds.), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Yatim. (2013). Rumah-rumah Melayu tradisional: Manifestasi kearifan tempatan. In Nazarudin, Rahimah, & Mohd. Kipli (Eds.). *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara*. Berasal dari Akar (Vol. 1) (pp. 43 – 59). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Othman Yatim. (2013). Rumah-rumah Melayu tradisional: Manifestasi kearifan tempatan. In Nazarudin, Rahimah, & Mohd. Kipli (Eds.). *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara. Berasal Dari Akar* (Vol. 1) (pp. 43 – 59). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pangeran Paita Yunus. (t. thn.). Makna Simbol Bentuk dan Seni Hias Pada Rumah Bugis Sulawesi Selatan. Universitas Negeri Makassar Jalan Traktor IV No. 31 Komplek PU Malengkeri Parangtambung Makassar.
<https://mail.malpdf.com/dokumen/88d16a/makna-simbol-bentuk-dan-seni-hias-pada-rumah-bugis-sulawesi->
- Polit, D.F. and Beck, C.T. (2004). *Nursing Research: Principles and Methods*. 7th Edition, Lippincott Williams & Wilkins, Philadelphia.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. (2021). *Negeri Sembilan*. Dicapai pada 9 Mei 2021. <https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan>.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Awang Azman bin Awang Pawi, Ahmad Farid Abd Jalal, Mohd Puaad Bin Abdul Malik. (2019). Kitab Jawi Sebagai Karya Kearifan Tempatan Melayu: Analisis Sejarah Intelektual. *Al-Banjari*, 18(1), (Januari-Juni 2019), hlm. 49-84. ISSN (Print) 1412-9507 ISSN (Online) 2527-6778 DOI: 10.18592/al-banjari.v18i1.2528.
- Raja Ali Haji. (1932/1965). *Tuhfat al-Nafis*. Naskhah Rumi oleh Munir bin Ali. Singapura: Malayan Publication Ltd.
- Raja Nafida Raja Shahminan (2007). *Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). Senibina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. *Adat Perpatih - Esei Pilihan* , 191-197.
- Rashid, Mohd Sabrizaa B Abd. Evolusi Bentuk dan Makna pada Ragam Hias dalam Seni Bina Tradisional Melayu. Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI). UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi bin Kosman. (2020). Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Konsep Ruang Serambi Rumah Tradisional Melayu di Negeri Sembilan.

Journal Online Jaringan COT POLIPD (JOJAPS), No. 18, 88-93.
http://www.geocities.ws/apacc/paper11_sitifatihmah_vol18_renewed.pdf/

- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi Kosman. (2017). The Serambi of Negeri Sembilan Traditional Malay House As A Multifungsional Space – Role In Custom (Adat). Serambi Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan Sebagai Ruang Multifungsi - Peranan Dalam Adat.
- Siti Haliza Yusop. (2017, Februari 29). Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi. *Berita Harian*.
- Siti Haliza Yusop. (29 Januari 2017). Keunikan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/241148/keunikan-tiang-gantung-tak-jejak-bumi>.
- Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim. (2011). Struktur Ruang dan Elemen Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan (Kelantan's Malay Traditional House on Space Structures and Surrounding Elements). *Jurnal Perspektif*, 3(2), pp. 12-26.
- Siti Norlizaiha Harun. (2005). Perkembangan sejarah dan pengaruh ke atas seni bina di Malaysia: Sebuah tinjauan ringkas. *Buletin Perancang. JPBD: UiTM Perak*.
- Siti Rabiatul Adawiah Binti Jaffar, Arba'ie Bin Sujud, Salmah Jan Binti Noor Muhammad, Kamariah Binti Kamarudin. (2017). Tradisi Vernakular Seni Bina Melayu Tradisional Dalam Teks Historiografi Melayu. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 pada 10-12 Oktober 2017 bertempat di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Solahuddin bin Abdul Hamid. (2016). Islam Dalam Pembentukan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu. *Jurnal Seri Alam* (2016). Bil 1/2005 (12) pp. 143-150.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their Problem and Future*. Kuala Lumpur: Others Press.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vincent Tan. (2019). Usaha pulihara rumah tradisional M'sia, keunikan seni bina. 29/10/2019, Update: 30/10/2019.

- Wan Hashim, Abdul Halim Nasir. (2014). *The Traditional Malay House*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2012). "al-Attas: Ilmuwan Penyambung Tradisi." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, 1–60. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Wienty Triyuly, Sri Desfita Yona, Ade Tria Juliandini. (2013). Identifikasi Rumah Tradisional di Lorong Firma Kawasan 3-4 Ulu, Palembang. *Temu Ilmiah IPLBI 2013*, Prosiding Temu Ilmiah IPLBI 2013, 51-56.
- Yaakub Idrus. (1966). *Bandingan Aspek Seni Bina Antara Rumah Melayu (Riau Dan Semenanjung) Dengan Rumah Minangkabau (Sumatera)*.pdf.
- Yaakub Idrus. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu (National Heritage Act, 2005: A Review). *Jurnal Melayu* (8) 2011: 173 – 188.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, and Hanapi Dollah, and Ab. Samad Kechot, and Mohamed Anwar Omar Din, (2010) *Pembangunan Warisan di Malaysia: tinjauan umum tentang dasar*. *Jurnal Melayu*, 5. pp. 277-283. ISSN 1675-7513.
- Zainal Abidin Borhan. (2000). "Pantun Dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme," dalam Abdul Latiff Bakar (ed.). (2000). *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: APMUM, 45–58.
- Zainal Kling. (2000). *Kekerabatan Melayu: Islam dalam Kehidupan Sosio Budaya*. Dlm A. Aziz dan Mohd Taib Osman (ed). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 221.
- Zulkifli Hanafi, Ahmad Zakiiulfuad Yahaya. (2005). *Seni Bina Melayu*. Kulim Kedah: Amber-Solara Publication.
- Zulkifli Hanafi. (1996). *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kulim: Amber-Solara Press.

Temuramah

Noor Hayati Ismail. (Mei 15, 2021). Falsafah Warisan Pembinaan Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan: Tradisi dan Cabaran Kesenambungan, Melalui MS Team. [Interview].

Mastor Surat. (Mei 10 dan 18, 2021). Falsafah Warisan Pembinaan Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan: Tradisi dan Cabaran Kesenambungan. Melalui MS Team. [Interview].